

# GARIS PANDUAN PENYELIAAN KOPERASI

## KANDUNGAN

### GP15 : GARIS PANDUAN MENGENAI SKIM PEMBIAYAAN MIKRO OLEH KOPERASI

#### BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN	1
TAFSIRAN	1
LATAR BELAKANG	2
SKOP SKIM PEMBIAYAAN MIKRO	3
CIRI-CIRI SKIM PEMBIAYAAN MIKRO OLEH KOPERASI	3
MODEL SKIM PEMBIAYAAN MIKRO	4

#### BAHAGIAN B : SKIM PEMBIAYAAN MIKRO

SUMBER DANA	9
SYARAT-SYARAT AM	10
SYARAT-SYARAT PEMOHON	11
KADAR PULANGAN YANG DITENTUKAN	12
FI DAN CAJ	12
KAWALAN HAD PEMBIAYAAN	13
AKAUN SIMPANAN KHAS MIKRO	13

#### BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS	14
PENGURUSAN RISIKO	17

<b>PENYELIAAN DAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN</b>	<b>20</b>
<b>PEMBIAYAAN DENGAN PIHAK BERKAITAN</b>	<b>21</b>
<b>PELAPORAN</b>	<b>22</b>
<b>AM</b>	<b>22</b>
<b>PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>22</b>



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

### **GP15 : GARIS PANDUAN MENGENAI SKIM PEMBIAYAAN MIKRO OLEH KOPERASI**

#### **BAHAGIAN A : PENGENALAN**

##### **TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B dan subsekyen 51(1) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memberi panduan kepada koperasi bagi menjalankan skim pembiayaan mikro kepada anggota-anggotanya.

##### **TAFSIRAN**

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993;

“skim pembiayaan mikro koperasi” ertinya skim pembiayaan kepada anggotanya yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan dengan bilangan pekerja sepenuh masa yang kurang daripada **lima** orang **atau** jualan tahunan tidak melebihi **RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**.

## **LATAR BELAKANG**

3. Pada tahun 2006, Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana Kebangsaan (MPPK) telah meluluskan rangka kerja keinstitutional pembiayaan mikro komprehensif yang merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan koperasi untuk membangunkan industri pembiayaan mikro yang mapan. Institusi tersebut ialah:

- (a) Bank Simpanan Nasional Berhad;
- (b) Agro Bank Berhad;
- (c) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;
- (d) institusi perbankan; dan
- (e) koperasi.

4. Pergerakan koperasi telah dikenalpasti sebagai salah satu saluran penting dalam mempertingkatkan akses kepada pembiayaan mikro bagi perniagaan kecil. Walau bagaimanapun, di Malaysia pembiayaan mikro oleh koperasi masih terlalu kecil berbanding dengan negara-negara maju terutamanya Jepun, Sweden, Denmark dan United Kingdom.

5. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada koperasi mengenai skim pembiayaan mikro yang merangkumi penyediaan dan akses kepada pembiayaan mikro yang lebih luas serta bermanfaat kepada sektor koperasi.

### **SKOP SKIM PEMBIAYAAN MIKRO**

6. Skop skim pembiayaan mikro koperasi merangkumi perniagaan kecil yang dijalankan oleh anggota meliputi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pemasaran atau perkhidmatan dalam pelbagai sektor ekonomi.

### **CIRI-CIRI SKIM PEMBIAYAAN MIKRO OLEH KOPERASI**

7. Ciri-ciri skim pembiayaan mikro meliputi:

(a) tujuan

(i) modal pusingan; atau

(ii) perbelanjaan modal;

(b) jumlah pembiayaan tidak melebihi **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja)**;

(c) tempoh bayaran balik tidak melebihi **enam puluh** bulan;

(d) terma pembiayaan sama ada secara konvensional atau Syariah;

- (e) keperluan cagaran bergantung kepada dasar pembiayaan koperasi;
- (f) kadar pulangan yang dikenakan ke atas pembiayaan ini perlulah berpatutan bagi menampung kos pendanaan, operasi dan keuntungan;
- (g) rebat insentif boleh dibayar kepada peminjam yang berdisiplin di akhir tempoh pembiayaan;
- (h) borang permohonan pinjaman yang mudah diisi; dan
- (i) mewujudkan akaun simpanan khas mikro anggota.


## **MODEL SKIM PEMBIAYAAN MIKRO**

8. Terdapat **dua** jenis model yang boleh diperkenalkan oleh koperasi di bawah skim pembiayaan mikro iaitu:

(a) **Model 1 : Pembiayaan Terus Kepada Anggota**

- (i) Pembiayaan yang diluluskan diberi terus kepada anggota untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Bayaran balik pembiayaan hendaklah ditetapkan oleh koperasi.
- (ii) Pendekatan pembiayaan terus kepada anggota adalah seperti **Jadual I** di bawah:

## JADUAL I




(b) **Model 2 : Pembiayaan Secara Berkumpulan**

- (i) Pembiayaan secara berkumpulan ialah pembiayaan sama ada:
  - (A) secara terus (*direct financing*) kepada anggota dengan sokongan daripada ahli kumpulan; atau
  - (B) kepada kumpulan untuk disalurkan kepada anggota.
- (ii) Pembiayaan ini lebih menjurus kepada kebertanggungjawaban ahli kumpulan sebagai jaminan sosial (*peer pressure as social collateral*) bagi memastikan anggota berkenaan menggunakan pembiayaan untuk tujuan seperti yang dipohon serta bayaran balik pembiayaan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- (iii) Ciri-ciri pembiayaan secara berkumpulan adalah seperti berikut:
  - (A) satu kumpulan terdiri daripada **lima** hingga **sepuluh** orang anggota yang mempunyai latar belakang dan keperluan yang sama;
  - (B) pembiayaan diberi kepada anggota kumpulan secara individu;
  - (C) bayaran balik pembiayaan akan dijelaskan secara individu kumpulan tersebut; dan
  - (D) setiap kumpulan hendaklah menyediakan tatacara atau persefahaman kumpulan yang mengandungi perkara berikut:



- (DA) melantik seorang ketua di kalangan anggota kumpulan;
  - (DB) menubuhkan identiti atau nama kumpulan;
  - (DC) menetapkan kekerapan perjumpaan;
  - (DD) mewujudkan konsep bantu-membantu di kalangan anggota ketika menghadapi masalah bayaran balik pembiayaan;
  - (DE) menyenggara akaun pembiayaan secara ringkas dan sempurna; dan
  - (DF) memantau bayaran balik pembiayaan oleh anggota kumpulan.
- (iv) secara ringkasnya, pendekatan pembiayaan secara berkumpulan adalah seperti **Jadual II** di bawah:

**JADUAL II**



**PENDEKATAN**

1. Pembiayaan mikro diberi dengan sokongan kumpulan.
2. Pinjaman disalurkan kepada anggota dengan sokongan ahli kumpulan.
3. Anggota menggunakan dana untuk perniagaan mikro.
4. Anggota memperoleh hasil perniagaan.
5. Anggota perlu membuat bayaran berikut:
  - a) pembayaran balik pembiayaan; dan
  - b) mencarum ke akaun simpanan khas mikro.
6. Pembayaran balik pembiayaan oleh anggota.

## BAHAGIAN B : SKIM PEMBIAYAAN MIKRO

### SUMBER DANA

9. Sumber dana bagi skim pembiayaan mikro koperasi, boleh diperoleh daripada –

(a) Anggota yang terdiri daripada –

(i) individu; atau

(ii) koperasi.

(b) Bukan anggota, tertakluk kepada kelulusan bertulis Suruhanjaya dan undang-undang kecil koperasi, yang terdiri daripada –

(i) anggota koperasi lain;

(ii) koperasi lain;

(iii) institusi kewangan;

(iv) syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, badan kebajikan, badan Kerajaan dan badan berkanun Kerajaan; atau

(v) penyedia dana asing (*foreign fund provider*).

(c) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

## **SYARAT-SYARAT AM**

10. Sebelum menjalankan skim pembiayaan mikro, koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pembiayaan;
- (b) kelulusan mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung untuk melaksanakan skim pembiayaan mikro; dan
- (c) mewujudkan aturan bertulis mengenai skim pembiayaan mikro yang diluluskan dalam mesyuarat agung.

## **Kandungan Aturan**

11. Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan skim pembiayaan mikro hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) tajuk
- (b) objektif
- (c) definisi
- (d) sumber dan kegunaan dana
- (e) pentadbiran dan pengurusan

- (f) proses aliran kerja seperti di **Lampiran 1**
- (g) kelayakan pemohon
- (h) had pembiayaan
- (i) kadar pulangan yang ditentukan
- (j) fi dan caj yang dikenakan
- (k) tempoh dan cara bayaran balik (termasuk prosedur bagi bayaran tertunggak)
- (l) Akaun Simpanan Khas Mikro
- (m) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat
- (n) pengurusan kewangan, risiko dan audit

## **SYARAT-SYARAT PEMOHON**

12. Anggota yang memerlukan pembiayaan perlulah mematuhi sekurang-kurangnya syarat-syarat berikut:

- (a) anggota koperasi yang layak tertakluk kepada undang-undang kecil dan aturan skim pembiayaan mikro;
- (b) tempoh minimum perniagaan yang ingin dibiayai hendaklah sekurang-kurangnya **dua** tahun telah beroperasi. Walau

bagaimanapun, pertimbangan boleh diberi kepada perniagaan yang kurang **dua** tahun berdasarkan kepada justifikasi permohonan; dan

- (c) mempunyai sijil pendaftaran perniagaan.

## **KADAR PULANGAN YANG DITENTUKAN**

13. Koperasi boleh mengenakan kadar pulangan ke atas pembiayaan yang diluluskan dengan syarat tidak melebihi daripada had yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Kadar pulangan tersebut hendaklah tidak membebankan peminjam dan hendaklah berasaskan kos pendanaan dan kos pentadbiran (kos pekerja dan kos overhead) serta keuntungan yang munasabah. Sila rujuk **Lampiran 2** bagi asas pengiraan.

## **FI DAN CAJ**

14. Fi dan caj boleh dikenakan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung. Fi dan caj yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:

- (a) fi pemprosesan yang tidak melebihi **RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)**; dan
- (b) duti setem mengikut kadar yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949.

## **KAWALAN HAD PEMBIAYAAN**

15. Jumlah pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap anggota di bawah skim pembiayaan mikro hendaklah tidak melebihi **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja)** pada setiap masa.

16. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap anggotanya hendaklah tidak melebihi **dua puluh lima peratus** daripada Kumpulan Wang Anggota (KWA).

17. Pihak pengurusan atau Jawatankuasa Pembiayaan, sekiranya ada, yang diberi kuasa melulus pembiayaan tidak boleh memberi apa-apa pembiayaan yang melebihi had atau di luar bidang terma dan syarat yang dikenakan.

18. Lembaga mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau meminda keputusan pembiayaan yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan atau jawatankuasa.

## **AKAUN SIMPANAN KHAS MIKRO**

19. Koperasi hendaklah mewujudkan suatu akaun simpanan khas mikro bagi anggota yang menerima skim pembiayaan mikro. Walau bagaimanapun, keperluan ini tidak terpakai kepada koperasi yang melaksanakan kutipan yuran sebagai sumber dana bagi aktiviti pembiayaannya.

20. Simpanan khas ini ialah simpanan wajib yang dikenakan ke atas peminjam mengikut aturan yang ditetapkan oleh koperasi. Aturan ini hendaklah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat agung koperasi dan sesalinan aturan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya.

21. Simpanan khas ini boleh menerima kadar pulangan yang munasabah dan hanya boleh dikeluarkan apabila skim pembiayaan mikro tersebut selesai dibayar balik.

## **BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA**

### **TADBIR URUS**

#### **Lembaga koperasi**

22. Lembaga hendaklah bertanggungjawab memastikan–

- (a) dasar dan piawaian pemberian pembiayaan adalah:
  - (i) selaras dengan aktiviti perniagaan sepertimana termaktub dalam undang-undang kecilnya; dan
  - (ii) bersesuaian dengan kecukupan modal, kepakaran pengurusan dan risikonya.
- (b) pemberian pembiayaan adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;
- (c) aturan-aturan pembiayaan koperasi dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung. Aturan-aturan pembiayaan hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) koperasi dalam setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik;



- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawab mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti pemberian pembiayaan;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pemberian pinjaman adalah mencukupi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan pemberian pembiayaan oleh koperasi; dan
- (h) jenis pembiayaan yang disediakan tidak memudaratkan peminjam dan promosi tidak bersifat menyeleweng peminjam.

23. Lembaga hendaklah memantau prestasi pembiayaan melalui laporan berkala. Sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun, Lembaga diberi taklimat mengenai keseluruhan pembiayaan oleh pengurusan. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi pembiayaan;
- (b) pembiayaan-pembiayaan bermasalah dan tindakan pemulihan yang diambil; dan
- (c) jenis-jenis perniagaan di bawah pembiayaan yang mempunyai potensi berdaya maju.

## **Pengurusan**

24. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar pemberian pembiayaan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan

bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

25. Tanggungjawab pihak pengurusan termasuk menyediakan:

- (a) bidang kuasa (*clear lines of authority*) dan tanggungjawab yang jelas dalam pemberian pembiayaan;
- (b) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar pemberian pembiayaan dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
- (c) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko pembiayaan dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (d) sistem pengrekodan yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi pembiayaan boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
- (e) laporan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek pembiayaan termasuk tunggakan dan kutipan bayaran balik;
- (f) maklumat kualiti dan risiko pembiayaan serta melaksanakan kajian semula ke atas keseluruhan pembiayaan sekerap yang mungkin; dan
- (g) modal insan yang mencukupi dan kompeten.

## **Jawatankuasa Audit Dalaman**

26. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memastikan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur pemberian pembiayaan yang ditetapkan dipatuhi.

## **PENGURUSAN RISIKO**

27. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

28. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan:

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi pembiayaan yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

29. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumen.

## **Proses Pengurusan Risiko**

### **30. Penilaian Pembiayaan**

- (a) Setiap permohonan pembiayaan tertakluk kepada analisis sesuai dengan saiz dan kerumitan transaksi. Format dokumen piawaian untuk penilaian dan pendekatan analisis yang seragam perlu ada. Penilaian hendaklah termasuk pemahaman terhadap peminjam, tujuan dan sumber bayaran balik pembiayaan.
- (b) Dasar bertulis perlu ada, untuk melulus pembiayaan, pembaharuan pembiayaan sedia ada dan/atau perubahan terhadap syarat pembiayaan yang telah diluluskan terdahulu.

### **31. Kelulusan Pembiayaan**

- (a) Fungsi kelulusan pembiayaan hendaklah selaras dengan panduan yang disediakan oleh Lembaga dan aturan-aturan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.
- (b) Proses kelulusan pembiayaan hendaklah memastikan wujudnya:
  - (i) akauntabiliti terhadap keputusan yang dibuat;
  - (ii) pembahagian kuasa untuk melulus atau membuat perubahan dalam terma; dan
  - (iii) had pembiayaan yang dibenarkan.
- (c) Kuasa melulus pembiayaan hendaklah selaras dengan kepakaran/pengalaman pegawai yang terlibat.

- (d) Jejak audit (*audit trail*) hendaklah jelas, di mana dokumen segala aspek proses kelulusan pembiayaan disimpan dan pegawai dan/atau jawatankuasa yang memberi komen dan membuat keputusan boleh dikenalpasti.

### 32. Pemantauan dan kajian semula

- (a) Penilaian dan kajian semula pembiayaan adalah asas untuk mengukur dan melapor prestasi pembiayaan secara tepat.
- (b) Koperasi perlu mengkaji semula semua pembiayaan.
- (c) Tatacara pemantauan perlu menentukan kriteria untuk mengenalpasti dan melapor pembiayaan dan transaksi lain yang berpotensi bermasalah supaya pembiayaan tersebut tertakluk kepada pemantauan yang lebih teliti dan tindakan penambahbaikan boleh diambil, jika perlu.
- (d) Tatacara pemantauan yang efektif hendaklah termasuk:
  - (i) memastikan koperasi memahami kedudukan kewangan terkini peminjam;
  - (ii) memastikan pembiayaan mematuhi kehendak undang-undang;
  - (iii) memastikan, di mana perlu, cagaran yang disediakan adalah mencukupi; dan

- (iv) mengenalpasti dan mengklasifikasikan pembiayaan berpotensi bermasalah tepat pada masanya (*timely basis*).

### 33. **Kajian terhadap kawalan kualiti**

- (a) Jawatankuasa Audit Dalaman atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menjalankan kajian pembiayaan koperasi sekurang-kurangnya dua kali setahun. Koperasi hendaklah menjalankan kajian semula proses pemberian pembiayaan sekurang-kurangnya dua tahun sekali, jika perlu.
- (b) Objektif kajian adalah untuk menentukan kualiti pembiayaan, mengemukakan pembiayaan bermasalah serta puncanya dan memberi cadangan untuk mendapat balik pembiayaan bagi meminimumkan kerugian. Jawatankuasa juga menentukan kepatuhan terhadap dasar dan prosedur pembiayaan. Laporan pembiayaan bermasalah hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga.

## **PENYELIAAN DAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN**

34. Koperasi hendaklah komited untuk memastikan integritinya tidak disalahgunakan bagi aktiviti perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

35. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan-kawalan yang mencukupi terutamanya pelaksanaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali pelanggan (*know your customer*) dan melaporkan apa-apa transaksi

yang luar biasa kepada Suruhanjaya bagi mengelak daripada digunakan sebagai "alat" (*conduit*) bagi aktiviti tersebut.

## **PEMBIAYAAN DENGAN PIHAK BERKAITAN**

36. Koperasi hendaklah mewujudkan dasar dalaman bagi pembiayaan dengan pihak berkaitan agar tiada wujudnya layanan khas atau khusus. Pihak berkaitan adalah:

- (a) pengurus atau kakitangan koperasi yang ada kaitan dengan pembiayaan mikro;
- (b) anggota Lembaga koperasi; atau
- (c) mana-mana anggota koperasi yang ada kaitan dengan mana-mana pihak di para (a) dan (b) di atas.

37. Semua transaksi dengan pihak berkaitan hendaklah –

- (a) dilaksanakan secara adil dan saksama (*arm's length*);
- (b) dibuat bagi kepentingan anggota koperasi;
- (c) diselaraskan dengan objektif dan strategi pembiayaan koperasi; dan
- (d) dimaklumkan kepada mesyuarat Lembaga.

## PELAPORAN

38. Menurut subseksyen 85A(1), koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki Suruhanjaya. Sehubungan dengan itu, koperasi adalah dikehendaki mengemukakan laporan berkala setiap **tiga** bulan mengikut format di **Lampiran 3** kepada Suruhanjaya. Laporan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh **empat belas hari** selepas tamat setiap suku tahun.

## AM

39. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

## PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA


40. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

41. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Julai 2011**.



**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)**

Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 15 Julai 2011

**“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”**